

Keganasan: Malaysia sambut baik permintaan ahli ASEAN

KUALA LUMPUR 21 Jun — Malaysia mengalu-alukan permintaan beberapa buah negara ASEAN untuk mengadakan perjanjian kerjasama dengannya dalam memerangi keganasan antarabangsa sebagaimana yang telah dilakukan oleh Indonesia dan Filipina.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, beberapa menteri luar negara serantau itu ada menyatakan minat untuk mengadakan perjanjian berkenaan dengan Malaysia dan dijangka dibincangkan dalam mesyuarat menteri luar ASEAN di Brunei hujung tahun ini.

“Kita merasa amat gembira jika negara-negara ASEAN yang lain ingin turut sama mengadakan perjanjian seumpama itu kerana selepas pasca 11 September adalah amat penting untuk kita mengadakan pertukaran maklumat bagi memerangi keganasan antarabangsa,” katanya kepada pemberita selepas mengadakan sesi temubual bersama NTV7 pada hari kedua Perhimpunan Agung UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Penting

Menurut Syed Hamid, perjanjian tersebut penting kerana aktiviti penganas turut membabitkan masalah kegiatan jenayah yang merentasi sempadan dan jaringan dana yang diwujudkan oleh golongan itu.

Katanya, antara negara ASEAN yang telah mengemukakan perkara tersebut kepada Malaysia ialah Thailand, Singapura dan Laos.

Dalam pada itu, beliau tidak menolak kemungkinan isu keganasan akan turut dibincangkan pada pertemuan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dengan Perdana Menteri Thailand, Thaksin Shinawatra pada 5 hingga 7 Julai depan.

Dalam kunjungan tersebut, beliau berkata, Dr. Mahathir akan membincangkan pelbagai isu semasa yang menyentuh kepentingan kedua-dua negara termasuk isu serantau dan antarabangsa.

Beliau berkata, walaupun pertemuan tersebut tidak menetapkan sebarang agenda khusus, ia merupakan forum yang berguna bagi merapatkan hubungan dua hala antara kedua-dua buah negara